

23 JUL 2000

Zainal-Al-Mau'nah

KDN: SERAHKAN NAMA ANGGOTA PAS UNTUK SEMAKAN TERLIBAT DGN AL-MA'UNAH

ALOR SETAR, 23 Julai (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri (KDN) meminta Pas menyerahkan senarai nama anggota parti itu bagi membolehkan kerajaan mengenalpasti anggotanya yang terlibat dengan kumpulan Al-Ma'unah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Zainal Abidin Zain berkata kerajaan boleh melakukannya dengan baik dan telus berbanding sekiranya dilakukan sendiri oleh parti pembangkang itu.

Katanya proses mengenalpasti itu boleh dilakukan mengikut daerah dengan mengarahkan Ibu Pejabat Polis di setiap daerah menyemak senarai anggota Pas daerah berkenaan dan senarai anggota Al-Maunah.

"Kita boleh melakukannya walaupun melibatkan nama yang banyak. Selepas itu kita akan beritahu Pas nama-nama yang didapati terlibat," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat agung Pemadam, di sini, hari ini.

Beliau ditanya mengenai kenyataan Presiden Pas Datuk Fadzil Noor yang meminta kerajaan menyerahkan senarai nama anggota Al-Maunah, kumpulan persilatan yang terlibat dengan rompakan senjata di Gerik dan peristiwa menahan serta membunuh tebusan di Sauk.

Fadzil berkata dengan senarai itu pihaknya boleh menyemak anggota parti yang terlibat dengan kumpulan berkenaan.

Kenyataan Fadzil itu berikutan pendedahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kebanyakan daripada 1,800 anggota Al-Ma'unah adalah anggota Pas.

Zainal berkata adalah tidak masuk akal untuk Pas meminta kerajaan menyerahkan senarai nama berkenaan.

Beliau berkata parti pembangkang itu seharusnya bekerjasama dengan kerajaan menyelesaikan kes Al-Ma'unah itu dan bukan mengambil kesempatan politik dengan menuduh kerajaan melakonkan sandiwara.

-- BERNAMA

MZM zb